

Jenis Akhbar : Berita Harian
Tarikh : 05/07/2026
Edisi / Muka Surat : www.bharian.com.my
Tajuk : Sambutan Hari Koperasi Negara 2026 Tarik 40,000 Pengunjung.

Sambutan Hari Koperasi Negara 2026 Tarik 40,000 Pengunjung.



Steven Sim (tengah) bersama penerima Anugerah Koperasi Premier 2026 pada Majlis Perasmian Hari Koperasi Negara (HKN) 2026 di Butterworth, semalam. Turut hadir Pengerusi Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), Datuk Ahmad Norihan Jalal (empat dari kanan); Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Datuk Seri Khairul Dzaimie Daud (empat dari kiri); Ketua Pegawai Eksekutif SKM, Noor Afifah Abdul Razak dan Presiden Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA), Datuk Seri Dr Abdul Fattah Abdullah (tiga dari kanan).

BUTTERWORTH: Sambutan Hari Koperasi Negara (HKN) 2026 yang berlangsung selama tiga hari berakhir hari ini, di Pusat Konvensyen PICCA, di sini dijangka menarik sehingga 40,000 pengunjung.

Angka itu menunjukkan sambutan menggalakkan selepas edisi di Melaka tahun lalu, sekali gus membawa acara berkenaan ke wilayah utara Semenanjung bagi memperluaskan penyertaan masyarakat terhadap gerakan koperasi.

Pengerusi Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), Leftenan Jeneral (B) Datuk Ahmad Norihan Jalal, berkata HKN menjadi platform mengiktiraf sumbangan gerakan koperasi kepada pembangunan sosioekonomi negara, di samping memperkukuh jaringan perniagaan antara koperasi, usahawan, pemain industri serta agensi kerajaan dan swasta.

"Pada edisi tahun lalu di Melaka kita lihat sambutan diterima amat menggalakkan dan kali ini kita buat di utara tanah air yang pada hari pertama sahaja menarik kira-kira 6,000 pengunjung.

"Objektif utama penganjuran program itu adalah untuk mengiktiraf peranan koperasi sebagai penyumbang berkesan kepada pembangunan sosioekonomi serta memperkukuh jaringan perniagaan antara koperasi, usahawan, pemain industri, agensi kerajaan dan swasta," katanya.



Steven Sim melawat reruai selepas merasmikan Hari Koperasi Negara (HKN) 2026.

Beliau berkata demikian pada majlis perasmian HKN 2026 yang bertemakan 'Koperasi Memperkasa Komuniti, Membina Negara MADANI yang disempurnakan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Steven Sim Chee Keong, semalam.

Pengisian menarik

Pelbagai pengisian menarik disediakan sepanjang tiga hari penganjuran HKN 2026 antaranya Forum Perdana Ehwat Islam, Fun Walk, Zumba, pertandingan sukan rakyat, cabutan bertuah dan Malam Kebudayaan.

Turut diadakan Jualan MADANI Koperasi dan Usahawan (JMKU), Festival Laksa serta jualan trak makanan. Pada majlis itu juga berlangsungnya peluncuran Profil 100 Koperasi Terbaik 2026 selain Anugerah Koperasi 2026, penyampaian cek cura Bantuan Pembangunan Perniagaan Koperasi serta Pembiayaan Tabung Modal Pusingan Suruhanjaya Koperasi Malaysia

Menurut Ahmad Norihan, sambutan kali ini menghimpunkan 186 reruai pempamer.

"Lebih istimewa mengambil kira tahun ini sebagai Tahun Melawat Malaysia (TMM) 2026, kita turut membawakan reruai khas koperasi pelancongan bagi menyokong kerancangan industri pelancongan tempatan," katanya.

Sementara itu, Ahmad Norihan menyambut baik langkah kerajaan menggubal Akta Koperasi baharu bagi menggantikan Akta Koperasi 1993.



Sebahagian pengunjung yang memeriahkan Hari Koperasi Negara (HKN) 2026.S

Katanya, cadangan penggubalan akta itu melalui beberapa siri sesi percambahan fikiran dan penelitian, namun masih memerlukan penelitian lanjut dari aspek perundangan kerana membabitkan penyelarasan antara Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2007 (Akta 665) dan Akta Koperasi 1993 (Akta 502).

"Penambahbaikan ini penting bagi mengimbangi peranan SKM, sebagai badan pengawal selia dan penguat kuasa, selain terus berfungsi sebagai pemudah cara membangunkan gerakan koperasi.

"Kita harap pada masa terdekat ia dapat dilaksanakan selepas mendapat kelulusan pihak berkuasa berkaitan," katanya.